

MAHASISWA & CABARAN EKONOMI
25,632 ORANG MAHASISWA

| | |
|-----|--------|
| 74% | 18,675 |
| 41% | 10,439 |
| 90% | 24,720 |
| 44% | 11,120 |
| 57% | 14,458 |

UM
UKM
UIAM
UTHM

18,675 SISWA IKAT PERUT

Kajian Pertubuhan Sukarelawan Muslim Malaysia ke atas 25,632 siswa di enam universiti terpilih dapati 74 peratus akui tidak cukup duit untuk makan

Sebanyak 41 peratus atau 10,439 mahasiswa hanya makan mi segera."
 - Presiden MVM, Muhammad Jantan

18,675 siswa tidak cukup makan

■ MUHAMMAD SHAMSUL ABD GHANI

SHAH ALAM - Seramai 18,675 atau 74 peratus daripada 25,632 siswa yang ditemu ramah mendakwa mereka tidak berduit untuk makan.

Presiden Pertubuhan Sukarelawan Muslim Malaysia (MVM), Muhammad Jantan, yang membuat kajian itu baru-baru ini berkata, kajian tersebut dilakukan dari 24 Disember hingga 28 Disember lalu.

Katanya, MVM menghantar 25,632 borang kaji selidik melalui email ke beberapa universiti terpilih.

"Apa yang mengejutkan, kami mendapat respons yang begitu pantas," katanya.

Beliau memberitahu, enam universiti, iaitu Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM),

Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) memberi respons tertinggi.

Muhammad berkata, mereka terkejut mendapat tahu 44 peratus atau 11,120 mahasiswa hanya makan nasi bujang kerana masalah kewangan.

"Sebanyak 41 peratus atau 10,439 mahasiswa hanya makan mi segera dan 57 peratus atau 14,458 mahasiswa

hanya memperuntukkan RM5 setiap hari untuk makan," katanya.

Muhammad berharap hasil dapatan ini tidak dimanipulasikan oleh mana-mana pihak untuk kepentingan peribadi mereka.

"Disebabkan banyak pihak mempermainkan isu ini, jadi pihak MVM terpenggil untuk mencari jalan penyelesaian daripada semua pihak, tidak kisah dari parti politik mahupun NGO, untuk merancang bagi me-

nangani isu ini.

"Kita ingin tegaskan, MVM bukan mahu menimbulkan masalah, tetapi mencari cara, dan tindakan terbaik bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi mahasiswa," katanya.

Beberapa akhbar sebelum ini melaporkan mahasiswa menghadapi masalah kewangan sehingga terpaksa mengikat perut.